



28 Ogos 2018
28 August 2018
P.U. (A) 212

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (PENGENAAN CUKAI
BAGI PERKHIDMATAN BERCUKAI BERKENAAN DENGAN
KAWASAN DITETAPKAN DAN KAWASAN KHAS) 2018

*SERVICE TAX (IMPOSITION OF TAX FOR TAXABLE SERVICE
IN RESPECT OF DESIGNATED AREAS AND SPECIAL AREAS)
ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (PENGENAAN CUKAI BAGI PERKHIDMATAN
BERCUKAI BERKENAAN DENGAN KAWASAN DITETAPKAN
DAN KAWASAN KHAS) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 51 dan 56 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai bagi Perkhidmatan Bercukai berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2018.

Tafsiran

2. Bagi maksud Perintah ini, "Peraturan-Peraturan" ertinya Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan

3. Perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual yang diberikan oleh orang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual hendaklah dikenakan cukai perkhidmatan.

JADUAL

No.	(1) <i>Perkhidmatan</i>	(2) <i>Orang</i>
1.	(a) Pemberian perkhidmatan pengangkutan penumpang udara di antara kawasan ditetapkan.	Mana-mana orang yang diberi lesen perkhidmatan udara di bawah seksyen 35 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [<i>Akta 771</i>] atau

	<p>(b) Pemberian perkhidmatan pengangkutan penumpang udara di antara kawasan khas.</p> <p>(c) Pemberian perkhidmatan pengangkutan penumpang udara dari kawasan ditetapkan ke kawasan khas.</p> <p>(d) Pemberian perkhidmatan pengangkutan penumpang udara dari kawasan khas ke kawasan ditetapkan.</p>	<p>permit perkhidmatan udara di bawah seksyen 36 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.</p>
2.	<p>(a) Pemberian perkhidmatan telekomunikasi di antara kawasan ditetapkan.</p> <p>(b) Pemberian perkhidmatan telekomunikasi di antara kawasan khas.</p> <p>(c) Pemberian perkhidmatan telekomunikasi dari kawasan ditetapkan ke kawasan khas.</p> <p>(d) Pemberian perkhidmatan telekomunikasi dari kawasan khas ke kawasan ditetapkan.</p>	<p>Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan yang didaftarkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] atau yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000 [P.U. (A) 129/2000].</p>

3.	Penyediaan premis penginapan.	<p>Mana-mana orang yang mengendalikan premis penginapan termasuklah hotel, rumah tumpangan, rumah penginapan, pangsapuri servis, rumah inapan dan mana-mana establismen lain yang seumpamanya, tidak termasuk premis penginapan—</p> <p><i>(a)</i> yang disediakan oleh—</p> <p>(i) Kerajaan Persekutuan;</p> <p>(ii) mana-mana badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan; atau</p> <p>(iii) mana-mana institusi pengajian tinggi swasta yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 [<i>Akta 555</i>],</p> <p>sebagai fasiliti kepada mana-mana orang bagi maksud pendidikan, latihan atau kebajikan;</p> <p><i>(b)</i> yang disediakan oleh seseorang majikan sebagai fasiliti kepada pekerjanya;</p> <p><i>(c)</i> yang disediakan oleh mana-mana badan keagamaan atau kebajikan</p>
----	-------------------------------	---

		<p>yang berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia badan itu, bagi maksud aktiviti keagamaan atau kebajikan dan bukan bagi maksud komersial.</p>
4.	Penyediaan makanan dan minuman.	<p>1. Mana-mana orang yang mengendalikan restoran, bar, snek bar, kantin, kedai kopi atau mana-mana tempat yang menyediakan makanan dan minuman, sama ada dimakan di restoran, bar, snek bar, kantin, kedai kopi atau tempat itu atau dibawa pulang, tidak termasuk—</p> <p>(a) kantin yang terletak di dalam suatu institusi pendidikan;</p> <p>(b) kantin yang dikendalikan oleh institusi atau badan keagamaan.</p> <p>2. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan</p>

		<p>katering.</p> <p>3. Mana-mana orang yang mengendalikan medan selera termasuklah mana-mana tempat makan yang diuruskan secara berpusat dengan suatu sistem juruwang bersama dan yang dua atau lebih orang menyediakan makanan atau minuman.</p>
5.	Pemberian perkhidmatan bagi pelepasan barang daripada kawalan kastam dalam kawasan khas.	Mana-mana orang yang diberikan kebenaran untuk bertindak sebagai seorang ejen di bawah seksyen 90 Akta Kastam 1967 [<i>Akta 235</i>].

Dibuat 28 Ogos 2018
 [Perb. R.0.3865/356/1 Jld. 1 (SK.8); PN(PU2)752]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

SERVICE TAX ACT 2018

SERVICE TAX (IMPOSITION OF TAX FOR TAXABLE SERVICE IN RESPECT OF DESIGNATED AREAS AND SPECIAL AREAS) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by sections 51 and 56 of the Service Tax 2018 [Act 807], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Service Tax (Imposition of Tax for Taxable Service in respect of Designated Areas and Special Areas) Order 2018**.

(2) This Order comes into operation 1 September 2018.

Interpretation

2. For the purpose of this Order, "Regulations" means the Service Tax Regulations 2018.

Services chargeable to service tax

3. The services specified in column (1) of the Schedule provided by the person specified in column (2) of the Schedule shall be chargeable to service tax.

SCHEDULE

No.	(1) <i>Services</i>	(2) <i>Person</i>
1.	<p>(a) Provision of passenger air transport services between designated areas.</p> <p>(b) Provision of passenger air transport between special areas.</p>	<p>Any person who is granted an air service licence under section 35 of the Malaysian Aviation Commission Act 2015 [Act 771] or air service permit under section 36 of the Malaysian Aviation Commission Act 2015.</p>

	<p>(c) Provision of passenger air transport from designated areas to special areas.</p> <p>(d) Provision of passenger air transport from special areas to designated areas.</p>	
2.	<p>(a) Provision of telecommunication services between designated areas.</p> <p>(b) Provision of telecommunication services between special areas.</p> <p>(c) Provision of telecommunication services from designated areas to special areas.</p> <p>(d) Provision of telecommunication services from special areas to designated areas.</p>	<p>Any person providing telecommunication services and any content applications service provider who is registered under the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588] or licensed under the Communications and Multimedia (Licensing) Regulations 2000 [P.U. (A) 129/2000].</p>
3.	<p>Provision of accommodation premises.</p>	<p>Any person operating accommodation premises including hotel, inns, lodging house, service apartment, homestay and any other similar establishment, excluding</p>

		<p>accommodation premises—</p> <p>(a) provided by—</p> <p>(i) the Federal Government;</p> <p>(ii) any statutory body or local authority; or</p> <p>(iii) any private higher educational institutions registered under the Private Higher Educational Institutions Act 1996 [Act 555],</p> <p>as a facility to any person for educational, training or welfare purposes;</p> <p>(b) provided by an employer as a facility to his employees;</p> <p>(c) provided by any religious or welfare body registered with the Registrar of Societies Malaysia or under any written law governing such body, for the purpose of religious or welfare activities and not for commercial purpose.</p>
--	--	--

4.	Provision of foods and beverages.	<p>1. Any person operating restaurant, bar, snackbar, canteen, coffee house or any place which provides food and drinks, whether eat-in or take away excluding—</p> <p style="padding-left: 40px;"><i>(a)</i> a canteen located in an educational institution; and</p> <p style="padding-left: 40px;"><i>(b)</i> a canteen operated by a religious institution or body.</p> <p>2. Any person providing catering services.</p> <p>3. Any person operating a food court including any eating place which is centrally managed with a common cashier system and where two or more person provides food or drinks.</p>
5.	Provision of services for clearing goods from customs control in special areas.	Any person who is given permission to act as an agent under section 90 of the Customs Act 1967 [<i>Act 235</i>].

Made 28 August 2018
[Perb. R.0.3865/356/1 Jld. 1 (SK.8); PN(PU2)752]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance